

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS
[BETONG]**

TARIKH : 10.11.2016

SOALAN :

Dato' Sri Douglas Uggah Embas [Betong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menaik taraf sekolah-sekolah yang daif di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha menyediakan prasarana dan infrastruktur yang lengkap di sekolah-sekolah yang memerlukan di seluruh negara. KPM juga sentiasa memberi perhatian kepada sekolah-sekolah daif yang memerlukan kerja-kerja menaik taraf kemudahan sekolah termasuk di negeri Sarawak. Usaha yang berterusan ini adalah untuk memastikan akses pendidikan disediakan secara sama rata kepada semua murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pembentangan Bajet 2017, kerajaan telah mengumumkan inisiatif untuk membangunkan semula 120 buah sekolah daif iaitu 60 buah di Semenanjung, 30 buah di Sabah dan 30 buah sekolah di Sarawak menggunakan *Industrialised*

Building System serta menaik taraf 1,800 makmal sains dengan peruntukan RM570 juta. Kerajaan juga telah mengumumkan peruntukan kepada Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah di bawah KPM iaitu sebanyak RM500 juta.

Manakala dalam RMKe-11, sebanyak 166 projek bangunan gantian dan 690 projek ubahsuai naik taraf bangunan yang melibatkan sekolah rendah dan menengah, dirancang di negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah mengikut kaedah *Rolling Plan* dan tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.

RJM44